



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA BAKAL ANJUR CRADLE LIVE! STARTUP ASEAN SUMMIT

Persidangan Serantau Bagi Melonjakkan Startup Merentasi Sempadan

PUTRAJAYA, MALAYSIA, 24 September 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya, Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) hari ini melancarkan Cradle LIVE! Startup ASEAN Summit 2025, yang akan berlangsung dari 3 – 5 November 2025 di Kuala Lumpur.

Dengan tema “Scaling Startups Beyond Borders”, acara ini merupakan persidangan startup teknologi ASEAN pertama di bawah Pengerusian ASEAN-Malaysia 2025, dan telah diiktiraf sebagai *Priority Economic Deliverable* (PED) buat negara. Persidangan ini dijangka menghimpunkan lebih 3,000 peserta termasuk startup, pelabur, dan pembuat dasar daripada kesemua 10 Negara Anggota ASEAN serta komuniti global.

YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata “Pada bulan Jun lalu, kami telah menyiapkan pembangunan platform Startup ASEAN – sebuah gerbang serantau yang pertama seumpamanya bertujuan menghubungkan dan memperkasakan startup di seluruh ASEAN. Kini, kami mengambil langkah seterusnya dengan menganjurkan persidangan startup teknologi ASEAN pertama di bawah Pengerusian ASEAN-Malaysia.

Persidangan ini mencerminkan komitmen bersama untuk membina ekosistem startup ASEAN yang bersepadu – bertujuan mengurangkan halangan kepada pengasas untuk berkembang, memupuk keyakinan dalam kalangan pelabur serantau, serta meletakkan inovasi tempatan kita di pentas global,” tambah YB Tuan Chang Lih Kang.

Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, berkata, “Apa yang menjadikan Startup ASEAN Summit ini unik adalah pendekatan yang dibina berasaskan individu yang menggerakkan ekosistem ini – para pengasas, pembangun teknologi, dan pengambil risiko yang sedang membentuk masa depan

rantau kita. Kami bukan sahaja menghimpunkan mereka, tetapi mewujudkan kerjasama yang kebiasaanya mengambil masa berbulan atau bertahun untuk dibina.

Dengan menghubungkan startup secara langsung dengan pelabur, korporat serantau, serta membuka akses ke pasaran baharu ASEAN, persidangan ini direka untuk memberi pengasas momentum yang diperlukan untuk berkembang melangkaui sempadan – dan untuk menunjukkan kepada dunia kemampuan inovasi ASEAN,” tambah Norman.

Persidangan ini turut mendapat sokongan kukuh daripada industri, dengan Alliance Bank tampil sebagai Penaja Utama.

Kellee Kam, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Alliance Bank, menekankan, “Sebagai Penaja Utama, Alliance Bank akan menggerakkan persidangan ini bersama Cradle. Aspirasi kami dengan agensi ini sentiasa dilihat sebagai komitmen yang seiring dalam memupuk ekosistem keusahawanan Malaysia, dan ia bukan kerjasama sekali sahaja - sebaliknya sebuah kerjasama yang telah lama terjalin.

Sudah beberapa tahun, kami telah berpadu tenaga untuk memperkasakan usahawan muda menerusi program BizSmart® Challenge. Kini, kami teruja untuk meneruskan kejayaan tersebut melalui persidangan ini,” tambah Kellee.

Bagi memperkukuhkan lagi visi kerjasama rentas sempadan, persidangan ini juga akan menampilkan rakan ekosistem global. Antaranya, Infobip, unicorn pertama dari Croatia, yang akan membawa persidangan pembangun teknologi globalnya yang tersohor ke rantau ini buat julung kali melalui *Startup ASEAN x Infobip Shift*, dan Korea-ASEAN AI Youth Festa, sebuah inisiatif transformatif yang dibiayai oleh *ASEAN-Korea Cooperation Fund (AKCF)*, serta dilaksanakan oleh *National IT Industry Promotion Agency (NIPA)* bagi memupuk inovasi AI dan pembangunan mampan merentasi ASEAN dan Korea – yang akan berlangsung pada hari kedua.

Ivan Brezak Brkan, Pengarah Pengalaman Pembangun, Infobip berkata, “Selepas kejayaan edisi di Croatia dan Miami, Shift telah berkembang menjadi platform global untuk pembangun dan pembina untuk berhubung, belajar, dan membina masa depan AI serta teknologi. Kami berbangga dapat bekerjasama dengan Cradle untuk membawa Infobip Shift ke Kuala Lumpur, menandakan bab baharu bagi komuniti pembangun teknologi di Asia Tenggara.

Kerjasama dengan Cradle mencerminkan komitmen bersama kami untuk memperkasakan komuniti kejuruteraan dan teknologi, serta mempercepatkan inovasi digital di seluruh ASEAN.”

Berlandaskan Cradle LIVE!, iaitu platform penglibatan startup sepanjang tahun oleh Cradle, persidangan ini disusun berdasarkan tiga (3) pengalaman utama:

- **Hari Pertama: IGNITE di Heritage Valley, Kuala Lumpur** – Mempersembahkan startup tempatan dan lebih 100 alumni penerima geran Cradle.
- **Hari Kedua: CONNECT di JioSpace, Petaling Jaya** – Platform pasaran inovasi dinamik menampilkan pavilion startup serantau, serta *Startup ASEAN*

x *Infobip Shift*, siri persidangan pembangun teknologi global yang membuat penampilan sulung di Asia Tenggara, serta *Korea-ASEAN AI Youth Festa* dibawakan oleh NIPA.

- **Hari Ketiga: ELEVATE di Zepp Kuala Lumpur** – Acara penutup yang menghimpunkan penceramah berimpak tinggi daripada Asia Tenggara melalui sesi ucap tama, perbincangan panel, pameran, dan pertunjukan bertaraf dunia.

Pendaftaran bagi persidangan ini telah dibuka sejak awal September dan para peserta digalakkan untuk mendapatkan tempat di acara utama ekosistem startup ASEAN ini di www.cradle.com.my/cradlelive.

#TAMAT#

DIKELUARKAN OLEH:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

24 SEPTEMBER 2025

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Elmy Fairuz Azmi
Komunikasi Kumpulan
Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle)
elmy@cradle.com.my
+6012-2713457

[Kit Media](#)